

TEKNIK NYANYIAN KERONCONG ASLI

KUNTORO EDHI

**TUGAS AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009

PENGAKUAN

Saya raengaku tugas akhir ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

03.10 2009



KUNTORO EDHI
M20071000064

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan kehendaknya, tugas akhir ini dapat disempuraakan sebagaimana yang dikehendaki untuk memenuhi syarat ijazah sarjana pendidikan.

Tugas akhir ini telah disempumakan dengan bantuan dan bimbingan Profesor Madya Ahmad Fuad b. Ahmad Dahalan sebagai penyelia. KEPADANYA diucapkan jutaan terimakasih serta penghargaan yang setinggi-tingginya kerana bersedia membantu dan memberi panduan yang sewajarnya. Pandangan dan sikap terbukanya itu telah mendorong menyelesaikan masalah yang timbul sewaktu menyempurnakan tugas akhir ini.

Ribuan terimakasih juga diucapkan kepada Bapak Soebarjo HS yang sanggup melapangkan masa untuk turut memberi bantuan semasa saya menyelenggarakan tugas akhir ini. Kesedaran beliau bekerjasama untuk mernpopulerkan kembali muzik tradisi tersebut, sungguh-sungguh disanjung tinggi.

Jutaan terimakasih juga diucapkan kepada pihak perpustakaan Yayasan Warisan Johor, Universitas Negeri Semarang dan Radio Republik Indonesia Jogjakarta yang memberikan kerjasama dalam memberi kemudahan mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tugas akhir ini.

Penghargaan teristimewa ditujukan buat isteri tercinta dan anak-anakku kerana telah memberi sokongan. Seterusnya penghargaan ini juga diabadikan buat rakan-rakan dimana saja berada yang juga memberi kerjasama.

Akhirnya penghargaan ini dikembalikan kepada Yang Maha Esa dengan kalimat syukur Alhamdulillah kerana telah memberi kekuatan dan keupayaan lahir dan batin untuk menyempurnakan tugas akhir ini.

Sekian, terimakasih

ABSTRAK

Kajian ini secara khususnya memberikan fokus kepada teknik menyanyikan lagu keroncong asli. Pendekatan yang digunakan bagi kajian ini adalah pendekatan kualitatif dengan berteraskan rekabentuk kajian kes yang menjadi asas kajian. Sumber data yang diperolehi adalah datangnya dari institusi dan individu. Dalam kajian ini, alat pengumpulan data yang digunakan adalah analisa dokumen, temu bual dan pemerhatian. Bagi pengumpulan data melalui dokumen, beberapa bahan bacaan, bahan bercetak dan bahan-bahan dari internet digunakan untuk membuat analisa berkaitan dengan vokal keroncong asli. Dalam mengumpulkan data secara temu bual pula, beberapa soalan tertutup telah dibina untuk sesi temu bual dengan penyanyi keroncong. Pemerhatian pula dilakukan terhadap persembahan keroncong yang dilakukan oleh penyanyi keroncong yang profesional. Ketika proses pemerhatian ini berlangsung, rakaman video dibuat dan pengkaji juga membuat catatan. Setelah data diperolehi dari ketiga-tiga alat pengumpulan data ini, pengkaji seterusnya akan membuat analisa dokumen bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang penting yang terkandung didalamnya. Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini adalah berkaitan dengan teknik nyanyian keroncong asli yang digunakan oleh responden. Dapatan ini telah diperolehi dari beberapa persembahan yang dilakukan oleh responden. Responden dalam persembahannya ketika menyanyikan lagu keroncong asli menggunakan beberapa teknik iaitu cengkok, gregel, nggandul dan mbat. Dari dapatan ini juga kita akan dapat melihat bagaimana responden menyanyikan lagu keroncong asli dengan teknik pernafasan yang betul dan pembawaan yang sesuai dengan lagu keroncong asli. Dalam rumusan kajian ini, mendapati bahwa teknik nyanyian lagu keroncong asli adalah cengkok, gregel, nggandul dan mbat yang juga merupakan teknik improvisasi dalam nyanyian lagu keroncong asli. Daripada rumusan kajian yang berkaitan dengan teknik nyanyian lagu keroncong asli ini diharap akan dapat memberi maklumat dan panduan kepada pendidik muzik dan kepada mereka yang ingin mempelajari nyanyian keroncong asli, juga sebagai alat untuk mengembangkan seni budaya agar terus kekal.

ABSTRACT

This research specifies on the techniques of singing the "keroncong asli". It uses the qualitative approach based on the case studied as the love of this research. Data collected are from institutions and individuals. The instruments used in collecting data in this research are documentation, reading materials, document analysis, interviews and observation. Documents, reading materials and facts are also gathered from the internet which will then be used to analyse the vocal of keroncong asli. Closed interviews are also done with the keroncong singers. So did the observation with the professional singers. During the process of observation, video recording is made and researchers take notes in the progress. After all the data being collected, researchers will then analyse the documents to get the outmost input and all the important information in it. Things gathered from this research are related to the technique of singing the keroncong asli used by the respondents. While singing the keroncong the respondent also uses the technique of cengkok, gregel, nggandul and mbat. This would make the respondent sing the keroncong with the correct and proper manner especially the breathing technique. It would also improve the overall technique of singing keroncong. As a conclusion, the researcher hopes the information gathered from the research will be a guideline for learners as well as those who want to teach the singing of keroncong asli. Hopefully it will also be in expanding and restoring the beauty of the culture.

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Carta Aliran Kajian	30



KANDUNGAN

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

SENARAI RAJAH

BAB 1 Pendahuluan

1.1 Latar Belakang Masalah

1.2 Permasalahan Kajian

1.3 Tujuan Kajian

1.4 Persoalan Kajian

1.5 Batasan Kajian

1.6 Kepentingan Kajian

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Istilah dan nama keroncong

2.1.1 Jenis Muzik Keroncong

2.1.2 Peralatan Muzik Keroncong

2.1.4 UnsurAsas	18
2.1.5 UnsurEkpresi	20
2.2 Teknik Vokal	21
2.2.1 Pernafasan	22
2.2.2 Pembentukan suara	23
2.2.3 Teknik resonansi	24
2.2.4 Intonasi	24
2.2.5 Artikulasi	25
2.2.6 Phrasring /Pemfrasaan	25
2.2.7 Penjiwaan	26
2.3 Teknik Vokal Keroncong Asli	26
2.3.1 Cengkok dan Gregel	26
2.3.2 Nggandul	28
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	29
3.0 Pendahuluan	29
3.1 Carta Aliran Kajian	29
3.2 Fokus Kajian	31
3.3 Pendekatan	31
3.4 Reka Bentuk	31
3.5 Sumber Data	32
3.6 Alat Pengumpulan Data	33

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	36
4.1 Teknik Vokal	36
4.2 Pembawaan Lagu	38
4.3 Pembawaan Melodi Vokal	41
BAB 5 PENUTUP	52
5.1 Kesimpulan	52
5.2 Saranan	54
RUJUKAN	
LAMPIRAN	



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pendahuluan

Dalam bab ini akan membincangkan serta menghuraikan berkaitan dengan beberapa perkara utama yang mempunyai hubung kait dengan kajian yang dibuat. Perkara-perkara tersebut yang akan disentuh adalah tentang latar belakang masalah, permasalahan, tujuan, persoalan, kepentingan serta batasan kajian.

1.1 Latar Belakang Masalah

Muzik adalah gambaran kehidupan manusia yang dinyatakan dalam bentuk bunyi yang berirama sebagai wujud pikiran dan perasaannya. Setiap cetusan hati nurani atau daya cipta manusia dalam bentuk suara adalah suatu penjelmaan dari buah pikiran manusia yang dinyatakan dalam suatu bentuk yang bernama muzik. Muzik selalu mengandungi keindahan dan merupakan hasil daya cipta yang bersumber pada

ketinggian budi dari jiwa yang mengeluarkan muzik itu, sehingga muzik selalu dijadikan kayu ukur dari tinggi rendahnya nilai-nilai dan karektor suatu bangsa.

Dalam meningkatkan apresiasi dan memperluas serta menikmati seni budaya di masyarakat, perlu ditegaskan bahwa seni budaya menyangkut segala sesuatu yang berkaitan dengan persoalan-persoalan ekspresi, kreativiti dan originaliti yang memberi makna tertentu, baik sebagai kilas balik dan akumulasi pencapaian peradaban mahupun bentuk antisipasif dan alternatif dari kemungkinan-kemungkinan pola budaya yang dapat dikembangkan kemudian. Seni merupakan bahagian hidup manusia. Tanpa seni kehidupan akan terasa kurang ghairah, kering atau terasa gersang. Sesuai dengan kudrat manusia, bahawa emosi artistik sudah terjelma dalam jiwa manusia sejak lahir. Itulah sebabnya manusia suka akan keindahan.


Malaysia mempunyai aneka ragam seni, dalam hal ini seni muzik. Baik muzik tradisional mahupun bukan tradisional. Salah satu jenis muzik adalah muzik Keroncong. Untuk memelihara, melestari dan meningkatkan apresiasi masyarakat terhadap muzik Keroncong, diperlukan maklumat serta pengetahuan dari para pakar yang dapat disebarluaskan kepada semua masyarakat pecintanya sejak anak-anak remaja sampai dewasa.

Menurut Harmunah, (1994: 21) dijelaskan bahawa muzik Keroncong memiliki 5 ciri khas sebagai berikut: 1) bentuk, 2) harmoni, 3) ritma, 4) alat-alat, dan 5) pembawaan. Muzik keroncong sendiri terdiri dari dua unsur iaitu pengiring dan vokal. Alat muzik dalam muzik keroncong terdiri dari tujuh jenis alat muzik. Ketujuh macam alat muzik Keroncong tersebut adalah:


1. Biola



2. Flute



3. Gitar




4. Ukulele (cuk)



5. Banyo (cak)



6. Cello



7. Double bass



Setiap alat tersebut memiliki teknik permainan dan fungsi yang berbeza sehingga jika tidak ada salah satu alat muzik tersebut, muzik keroncong terasa belum lengkap. Tetapi meskipun jumlah alat muzik asasnya hanya tujuh, apabila ke tujuh jenis alat muzik itu sudah ada maka permainan muzik Keroncong sudah dikatakan lengkap (Harmunah, 1994 : 21)

Menurut Soeharto, (1996:91) vokal dalam muzik keroncong mempunyai peranan yang sangat penting seperti halnya dalam muzik yang lain. Jika diperhatikan dengan teliti dalam suatu kumpulan muzik yang mengiringi vokal, sebenarnya yang paling utama adalah suara manusia, sehingga suara manusia itu harus diupayakan untuk tampil baik melalui suatu latihan yang teratur dan berlanjutan.

Banyak penyanyi yang bukan vokalis keroncong menyatakan bahawa lagu-lagu keroncong sangat sukar, terutama cengkok atau lenggoknya, sehingga mereka merasa susah untuk mempelajarinya. Apalagi bagi vokalis Keroncong yang masih baru tentu banyak mendapat kesukaran dalam pembawaan vokal Keroncong . Bahkan vokalis keroncong sendiri pun sering tidak mampu menggunakan cengkok (lenggok) atau jika ada yang menggunakannya sering kali salah tempat dan salah waktu atau terlalu banyak cengkoknya sehingga terasa tidak sedap didengar.

Motivasi dalam menyanyikan vokal Keroncong bermacam-macam, ada yang kerana suka-suka, dipaksa asal boleh menyanyi, benar-benar senang menyanyi keroncong, dan memang motivasinya ingin mempelajari dan mendalami vokal Keroncong. Motivasi yang terakhir ini patut mendapat perhatian dan dibantu dalam pengembangannya. Penulis tidak membatasi apakah vokalis ini baru atau sudah lama mendalami vokal keroncong. Kerana sementara ini ada orang yang sudah lama menyanyikan lagu keroncong dan ingin mempelajari dengan sungguh-sungguh tetapi belum menemukan teknik yang efektif atau belum ada yang membimbing sehingga meskipun sudah lama tetapi masih kurang berkualiti.

Sama ada disedari atau tidak, para seniman di Indonesia telah membentuk dan bersepakat suatu irama asas untuk lagu Keroncong yang disebut "Baku Irama Keroncong" (Soeharto, 1996:80). Adapun jenis lagu atau irama keroncong tersebut disebutkan oleh Harmunah (1994:22) secara garis besar ada empat iaitu :

1. Keroncong Asli
2. Langgam
3. Stambul

4. Lagu Ekstra

Setiap jenis lagu keroncong tersebut mempunyai ciri-ciri yang berbeza sehingga bagi para penyanyi perlu memahami terlebih dahulu ciri-ciri setiap jenis lagu keroncong tersebut sebelum mempelajari ataupun menyanyikannya.

1.2 Permasalahan Kajian

Sejauh pengamatan penulis, sekarang ini banyak penyanyi keroncong yang belum dapat membawakan vokal Keroncong dengan baik dan bermutu. Hal ini mungkin disebabkan kerana memang sukar dalam membawa lagu keroncong dan mungkin juga kerana alasan-alasan di bawah yang disebutkan dalam latar belakang masalah diatas.

Setiap jenis lagu Keroncong mempunyai teknik, gaya, dan cara pembawaan yang berbeza-beza. Hal ini akan menambah faktor kesukaran dalam mempelajari vokal Keroncong. Oleh kerana itu, untuk dapat membawakan lagu-lagu yang berirama Keroncong dengan baik penyanyi harus memahami, menghayati, dan mempelajari ciri-ciri dan perbezaan setiap jenis lagu berirama keroncong tersebut.

Bertolak dari penjelasan di atas teknik membawakan vokal keroncong asli dapat diidentifikasi seperti berikut:

1. Bagaimanakah teknik pembelajaran vokal keroncong asli ?
2. Bagaimanakah cara mengekalkan vokal keroncong asli ?
3. Apa media yang tepat untuk mengajarkan vokal keroncong asli ?
4. Bagaimana teknik membawakan vokal keroncong asli ?

Berbagai permasalahan kajian di atas dimungkinkan dapat digunakan sebagai pedoman penulis dalam membatasi dan mempertajam permasalahan

1.3 Tujuan Kajian

Dengan berdasar pada perumusan masalah di atas, kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengetahui dan mendiskripsikan teknik-teknik dalam membawakan vokal keroncong asli.
2. Mengetahui dan mendiskripsikan erti pentingnya teknik-teknik dalam membawakan vokal keroncong asli.

1.4 Persoalan Kajian

Di dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji berkenaan dengan teknik menyanyikan lagu keroncong asli. Oleh itu di sini beberapa persoalan kajian akan difokuskan bagi melihat aspek-aspek tertentu seperti berikut:

1. Apakah teknik-teknik yang digunakan untuk menyanyikan lagu keroncong asli?
2. Bagaimanakah cara menggunakan teknik yang benar dalam menyanyikan lagu keroncong asli?

1.5 Batasan Kajian

Memperhatikan identifikasi tersebut di atas untuk mempermudah peniis dalam mendiskripsikan hasil penulisan kajian ini maka peniis membatasi pada teknik

membawakan vokal Keroncong Asli. Dengan batasan masalah tersebut diharapkan gambaran yang dilakukan oleh penulis akan disusun lebih mengarah dan terperinci.

1.6 Kepentingan Kajian

Dari hasil kajian ini diharapkan bermanfaat kepada :

1. Pensyarah Muzik, sebagai rujukan dalam pengajaran vokal Keroncong pada mahasiswa yang mengambil kursus Keroncong.
2. Mahasiswa sebagai masukan yang mengambil kursus Keroncong.
3. Penyanyi keroncong sebagai alat untuk mendalami vokal keroncong untuk diterapkan sesuai penyanyi keroncong menuju kearah nyanyian keroncong secara profesional.
4. Institusi sebagai bahan tempat rujukan dalam acuan kegiatan ilmiah yang berhubung dengan teknik nyanyian keroncong asli.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Deskripsi Teori

Dalam penulisan Teknik nyanyian keroncong asli ini penulis menggunakan dasar teori yang berkaitan dengan permasalahan teknik vokal keroncong dalam usaha membahas dan menyelesaikan permasalahan tersebut. Tumpuan dalam bab ini meliputi Istilah Keroncong dan Nama Keroncong , Teknik vokal dan Teknik vokal Keroncong asli.

2.1 Istilah dan Nama Keroncong

Soeharto, (1996: 23) berpendapat bahawa muzik keroncong diberi batasan sebagai jenis irama muzik berupa permainan mono ritma, dari beberapa alat muzik yang diberi nama kendangan improvisasi, dengan vokal yang sifatnya lentur dan diwarnai teknik glissando. Juga jenis orkes yang secara tradisi terdiri dari alat=alat muzik sebagai berikut: biola, flute, gitar, ukulele atau cuk, banyo atau cak, cello dan double bass.

Keroncong merupakan jenis lagu berkomposisi lagu dengan tanda masa 4/4 dengan pergerakan kord yang sudah ditentukan, yang menggunakan tangga nada atau scale major. Bentuk ini sering disebut keroncong asli, untuk membezakan dengan langgam dan stambul yang juga lazim berirama keroncong.

Istilah keroncong sebenarnya sudah lama dikenali oleh masyarakat bangsa Indonesia. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat unsur keroncong yang berasal dari luar iaitu seperti muziknya, tetapi bentuk muziknya (Rentak Keroncong) bukanlah bentuk import dari asing melainkan benar-benar buah karya nenek moyang kita sendiri. Walaupun terdapat adaptasi atau sedikit bau muzik yang datang dari luar, keroncong merupakan kreativiti nenek moyang kita yang patut kita acungi jempol (Soeharto ;1996 :25)

Menurut Ernet Heins (Harmunah, 1994 : 9) asal nama Keroncong agak kurang begitu jelas. Ada yang berpendapat bahawa nama Keroncong berasal dari terjemahan bunyi alat muzik seperti gitar kecil iaitu ukulele bertali lima. Namun sekarang alat Keroncong ini dapat diciptakan sendiri oleh orang-orang Indonesia yang berdiam di Tugu dan bertali empat (Harmunah, 1994 : 9). Selain itu Indisbeckrer berpendapat pula bahawa nama Keroncong ini berasal dari bunyi gelang kaki penari *ngremo* (Tarian di Madura). Penari ini berpakaian seperti pelaut Madura dengan ditambah sepasang gelang klinthing di mata kakinya (Harmunah 1994 ; 9).

Pendapat lain menyatakan muzik keroncong adalah muzik tradisional dengan tata nada ataupun susunan not yang dinamai, berbentuk vokal dengan iringan beberapa alat muzik berdawai yang merupakan bentuk baku sebuah orkestra yang disebut keroncong, terdiri dari gitar melodi (memainkan satu jalur melodi secara berterusan dari

awal hingga akhir lagu), gitar pengiring, ukulele dan gitar bass dimainkan untuk menimbulkan not staccato yang disebut dalam istilah keroncong kendangan atau meniru bunyi gendang (Ensiklopedi Muzik Indonesia, 1987:84).

Menurut Harmunah sendiri yang menulis buku muzik keroncong, berkesimpulan bahwa ketiga-tiga pendapat di atas yang paling dekat dengan erti kata keroncong adalah pendapat pertama, iaitu terjemahan bunyi alat ukulele yang dimainkan secara arpeggio dan menimbulkan bunyi crong, crong akhinya timbul istilah "keroncong"

Alat muzik keroncong adalah alat muzik petik yang bentuknya seperti gitar tetapi ukurannya lebih kecil dengan panjang keseluruhan lebih kurang 65 cm. Alat muzik ini memang bukan alat muzik asli Indonesia yang di negara asalnya dinamakan ukulele dan oleh lidah bangsa Indonesia akhinya disebut cuk, krung atau kencrung . Ukulele ini mempunyai 4 tali yang jika dipetik serentak akan menghasilkan bunyi yang lebih kurang sama dengan bunyi gelang keroncong, sehingga alat muzik ukulele ini selain dinamakan cuk juga boleh disebut keroncong. Alat muzik ini boleh dimainkan oleh pemainnya seorang diri untuk mengiringi sesuatu lagu.

2.1.1 Jenis Muzik Keroncong

Dari masa ke masa alam pikiran dan pandangan hidup manusia mengalami perkembangan secara berterusan. Perkembangan alam pikiran dan pandangan hidup manusia mengakibatkan terjadinya perubahan dalam semua bidang diantaranya adalah seni Muzik. Perubahan dan perkembangan seni muzik antara lain dalam bentuk dan jenis muzik, contohnya muzik keroncong yang mengalami perkembangan baik dalam bentuk warna atau corak ataupun alat muzik yang digunakan.

Soeharto (1995:80) berpendapat bahawa dengan perkembangan muzik keroncong, maka muncullah berbagai jenis muzik keroncong yang secara garis besar dibagi menjadi empat jenis, iaitu: Keroncong asli, langgam, stambul dan lagu ekstra. Untuk mengetahui bentuk-bentuk dari empat jenis muzik keroncong tersebut, dapat diuraikan tiap jenisnya adalah sebagai berikut:

a. Keroncong asli

Keroncong asli mempunyai 28 bar tanpa intro dan koda, menggunakan tanda masa 4/4 dan bentuk kalimatnya A-B-C dinyanyikan dua kali. Intro dan koda selalu ada, intro merupakan improvisasi tentang kord I (tonika) dan kord v (dominant), yang diakhiri dengan kord I dan ditutup dengan kadens lengkap, yang disebut dengan "*Overgang*" atau lintas kord, iaitu kord I-IV-V-I. Sedang koda juga merupakan kadens lengkap. Pada tengah lagu atau interlude, yang disebut juga dengan istilah "*Midell Spill*" atau senggang, iaitu pada bar ke sembilan dan sepuluh. Untuk contoh lagu keroncong asli adalah Kr Meratap Hati.

Berikut ini adalah skema harmonisasi keroncong asli.

Intro

I ——— I ——— V ——— V ———
 II ——— II ——— V - - - V ———
 V ——— V ——— IV ——— IV ———
 IV ——— IV ——— I - - - I - - -
 V ——— V ——— I - - - IV - V -
 I ——— iv - V - I ——— I ———
 V - - - V - - - I - - - I - - - coda

b. Langgam

Langgam terdiri dari 32 bar tanpa intra dan koda, tanda masa 4/4 dan bentuk kalimatnya A-A-B-A. Lagu biasanya dibawakan dua kali, ulangan kedua bahagian kalimat A-A dibawakan secara instrumental, vokal baru masuk pada kalimat B dan dilanjutkan kalimat A berikutnya sampai ke koda. Intro biasanya diambilkan empat bar akhir lagu langgam tersebut, sedangkan koda berupa kadens lengkap. Contoh lagu langgam ini adalah langgam Bengawan Solo ciptaan Gesang.

Berikut adalah skema harmonisasi langgam.

Intro

I . . . IV- V - I - - - I——
 V——V- - - I——I——
 I——IV- V - I——I——
 V——V——I——I——
 IV- - - IV——I——I——
 II- - - II . . . V - - - V——
 I . . . IV -V - I——I——
 V - - - V - - - I——I - - - coda

c. Stambul

Jenis stambul mempunyai dua bentuk iaitu stambul satu dan stambul dua.

1) Stambul I

Stambul satu mempunyai 16 bar dan menggunakan tanda masa 4/4 dan bentuk kalimatnya A-B. Bersyair atau senikata secara omprovisasi dengan perpindahan kord tonika ke kord sub dominant. Jenis stambul satu sering berbentuk muzik dan vocal saling